

# 80 ahli PALAPES UPM terima tauliah

**SHAH ALAM** – Seramai 80 kadet PALAPES Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menerima pentauliahahan sempena Istiadat pentauliahahan dan Perbarisan Diraja Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) ke-24 di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, baru-baru ini.

Daripada jumlah itu Ab. Ha-

mid Ismail diumumkan sebagai Pegawai Kadet Terbaik pada kali ini.

Sempena majlis tersebut, seramai 815 ahli PALAPES dari sembilan IPTA menerima pentauliahahan. Ia melibatkan 80 kadet UPM, 110 (UM), 80 (UKM), 80 (UPM), 146 (UiTM), 97 (USM), 104 (UUM), 89 (UTM), 74 (UMS) dan 35 (UNIMAS).

Semua pegawai kadet itu di-

tauliahkan ke dalam Rejimen Askar Wataniah, Pasukan Simpanan Sukarela TLDM dan Pasukan Simpanan TUDM dengan pangkat Leftenan Muda. Program PALAPES di IPTA ditubuhkan 1980 dan berjaya melahirkan seramai 3,419 pegawai kadet bertauliah.

Majlis Pentauliahahan yang berlangsung dengan penuh adat istiadat disempurnakan oleh

Yang Di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail. Turut hadir, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo, Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Laksamana Tan Sri Mohd Anwar Mohd Nor dan Naib Canselor UiTM, Prof. Datuk Seri Ibrahim Abu Shah.